



## **TEKS UCAPAN**

**YANG BERBAHAGIA  
DATO' SRI ZAINAL RAHIM BIN SEMAN  
KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM**

---

**SESI INTERAKSI  
YBHG. DATO' SRI KETUA PENGARAH  
PERKHIDMATAN AWAM  
BERSAMA BEKAS PESERTA PROGRAM  
*TALENT ACCELERATION IN THE PUBLIC  
SERVICE (TAPS)* YANG DILANTIK  
KE PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN**

---

**24 MAC 2017 (JUMAAT), 8.45 PAGI**

**DEWAN MEZZANINE, JPA**

Assalamualaikum            Warahmatullahi  
Wabarakatuh  
Salam 1Malaysia: Rakyat Didahulukan,  
Pencapaian Diutamakan dan  
Salam #Negaraku Malaysia

Yang Dihormati Saudari/i Pengacara  
Majlis

Yang Berbahagia Dato' Mohtar bin  
Mohd Abd Rahman,  
Timbalan            Ketua            Pengarah  
Perkhidmatan Awam (Pembangunan)

Yang Berbahagia Datuk Noridah binti  
Abdul Rahim  
Pengarah Bahagian Perkhidmatan  
Jabatan Perkhidmatan Awam

Yang Berbahagia Datuk Dr. Rosslina  
binti Ahmad Mokhtar  
Pengarah Bahagian Pembangunan  
Modal Insan  
Jabatan Perkhidmatan Awam

Pegawai-pegawai kanan JPA

Dan seterusnya kepada tuan-tuan dan  
puan-puan yang dihormati sekalian.

## **PENDAHULUAN**

1. Pertamanya, marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana atas limpah dan inayahNya juga, dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam Sesi Interaksi Saya Bersama Bekas Peserta Program *Talent Acceleration in the Public Service (TAPS)* Yang Dilantik Ke Perkhidmatan Awam Persekutuan.
  
2. Syabas dan tahniah diucapkan kepada saudara-saudari di hadapan saya kerana masih kekal berkhidmat di dalam keluarga besar Perkhidmatan

Awam.

## **PROGRAM TAPS**

3. Sebagaimana yang pihak saudara saudari sedia maklum, program TAPS merupakan satu program untuk melatih dan mengembangkan bakat pelajar-pelajar tajaan JPA yang cemerlang ke dalam perkhidmatan awam. JPA akan memilih pelajar untuk menyertai TAPS berdasarkan kecemerlangan akademik pelajar tersebut. Calon yang berjaya akan mengikuti Program SAC (Student Assessment Centre). Calon yang berjaya semasa mengikuti Program

SAC akan ditawarkan tempat di dalam sektor awam selama satu (1) atau dua (2) tahun. Seterusnya sekiranya calon berjaya melepassi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), calon akan dilantik ke Perkhidmatan Awam Persekutuan oleh SPA.

4. Di hadapan saya pada hari ini seramai 81 orang bekas peserta TAPS yang dilantik melalui empat (4) kohort pengambilan ke pelbagai skim perkhidmatan di dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan yang mula dilantik pada tahun 2013 dan yang

**terkini pada tahun 2016.** Saudara saudari merupakan calon-calon yang terpilih atau *Creme De La Creme* untuk memegang jawatan di Perkhidmatan Awam berdasarkan konsep “The Right Person to The Right Post”.

5. Seharusnya saudara saudari bersyukur dan bersama-sama membuktikan bahawa saudara saudari relevan kerana telah berada di dalam perkhidmatan ini. Proses pembangunan yang telah saudara saudari lalui dalam program TAPS sebelum ini merupakan satu pembelajaran dalam kehidupan yang

tidak semua calon dapat melaluinya. Dan dengan pengalaman dan proses pembangunan tersebut, besar harapan *stakeholders* untuk mereka lihat pegawai-pegawai mereka menjadi lebih *versatile* dan dinamik serta memiliki pengalaman dan pengetahuan yang amat luas, berbanding pegawai-pegawai lain.

6. Di bahu saudara-saudari bukan sahaja tergalas amanah dan tanggungjawab yang tinggi dan berat, malah saudara-saudari juga membawa kecemerlangan nama Perkhidmatan Awam yang menjadi pilihan untuk

disertai oleh graduan-graduan. Saudara saudari diharap akan sentiasa menyinar dan memiliki nilai estetika dan sahsiah yang tinggi dan menjadi aset kementerian / jabatan masing-masing.

**PERUBAHAN *MINDSET* DALAM  
PENGURUSAN PERKHIDMATAN  
AWAM**

Saudara saudari sekalian,

7. Di kala keadaan dunia masa kini yang mengalami perubahan pesat, baik dalam bidang ekonomi, sosial

mahupun politik, kita sebagai penjawat awam perlu juga berubah, menambah baik dan tidak leka dengan pencapaian semasa.

8. Tidak kira apa peringkat pengurusan atau gred kita berada, kita perlu berfikir secara inovatif dalam menghasilkan pendekatan kreatif untuk memudahkan urusan kerja, memudahkan rakyat dan pada masa sama, meningkatkan produktiviti.

9. Sebagai pegawai Perkhidmatan Awam, sumbangan kita kepada masyarakat tidak ternilai dalam

menyumbang kepada peningkatan produktiviti seterusnya pertumbuhan ekonomi negara.

**PENAMBAHBAIKAN SKIM**  
**PERKHIDMATAN AWAM**

Saudara saudari sekalian,

10. Kita patut bersyukur. Kerajaan kita telah meluluskan pelbagai insentif dan penambahbaikan kepada perkhidmatan awam. Janganlah kita menangguk di air keruh, melemparkan kritikan bersama-sama dengan mereka yang tidak bertanggungjawab, bahawa

Kerajaan tidak prihatin dan tidak menjaga kebajikan penjawat awam.

11. Fenomena penjawat awam mengkritik Kerajaan menjadi-jadi kebelakangan ini, termasuklah yang melibatkan pesara kerajaan. Pada pandangan saya, sekiranya ada sesuatu yang tidak kena pada pentadbiran atau perkhidmatan awam, sepatutnya kita mengambil langkah menambah baik sewaktu kita masih lagi berkhidmat. Kalau ada kekurangan pun, sebenarnya kita juga bertanggungjawab semasa kita masih dalam perkhidmatan kerana

kekurangan itu berlaku sebelum kita bersara.

## **TN50**

Saudara saudari sekalian,

12. TN50, atau Transformasi Nasional 2050, merupakan satu inisiatif pembangunan negara yang merangkumi tahun 2020 hingga 2050. Inisiatif ini akan dipacu oleh matlamat dan sasaran yang jelas selama 30 tahun, yang akan dibangunkan melalui proses perundingan dalam fasa persediaan dari tahun 2017 hingga

2019. Matlamat dan sasaran yang digariskan dalam dokumen dasar TN50 bakal diterbitkan pada awal tahun 2020.

13. TN50 merupakan satu inisiatif pembangunan negara jangka panjang. Sebagai sebahagian daripada persediaan dan tahap pembangunan TN50, YAB Perdana Menteri telah memberi mandat kepada Kementerian Belia dan Sukan untuk memulakan proses dengan menerajui ‘Perbicangan TN50’, siri penglibatan dan aktiviti-aktiviti wacana yang bertujuan untuk mencetuskan aspirasi rakyat serta

menentukan bidang untuk transformasi termasuk ekonomi, kemasyarakatan, kebudayaan dan alam sekitar.

14. Peringkat persediaan 2017-2019 akan menyaksikan aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan dengan pembangunan dokumen dasar TN50 seperti penglibatan dengan pihak yang berkepentingan dasar, pakar-pakar domain dan pemimpin dalam bidang-bidang tertentu.

## **MERAKYATKAN PERKHIDMATAN AWAM**

Saudara saudari sekalian,

15. Merakyatkan Perkhidmatan Awam (MPA) adalah satu konsep yang perlu dipupuk oleh semua penjawat awam untuk memastikan penyampaian kerajaan menetapi keperluan, kehendak dan aspirasi rakyat. YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara memperkenalkan Konsep Merakyatkan Perkhidmatan Awam dengan harapan agar setiap penjawat awam menyedari bahawa mereka adalah sebahagian daripada rakyat dan sesungguhnya lebih

berupaya memahami kehendak dan aspirasi rakyat.

## **ENAM (6) PRINSIP MERAKYAT PERKHIDMATAN AWAM**

### **15.1 KETERBUKAAN**

‘Minda Terbuka, Mudah Didekati’.

Sikap keterbukaan dan mudah didekati perlu dipupuk agar rakyat berasa selesa untuk berhubung dan berinteraksi dengan penjawat awam. Sedia menerima idea dan kritikan membina dengan hati dan minda terbuka untuk menambah

baik penyampaian perkhidmatan awam sedia ada.

## **15.2 TURUN PADANG**

‘Pasang Telinga, Buka Mata’. Jejak mesra Perkhidmatan Awam dengan mendekati rakyat secara pro-aktif. Ia adalah pendekatan berkesan untuk mengenal pasti isu-isu, mengetahui masalah dan keperluan rakyat, seterusnya, menyelesaiakannya dengan secepat mungkin.

## **15.3 MUSYAWARAH**

‘Penglibatan, Penerangan dan Ekspektasi Jelas’. Pendekatan musyawarah mengambil kira pandangan, maklum balas dan 2 penglibatan rakyat dalam mencorakkan sistem penyampaian perkhidmatan awam

#### **15.4 INSANIAH**

‘Keseimbangan Rohani dan Jasmani’. Penjawat awam yang cemerlang adalah penjawat awam yang seimbang dari aspek spiritual ( kekuatan rohani) dan fizikal ( kekuatan jasmani).

## **15.5 KEKITAAN**

‘Meraikan Perbezaan, Mengukuhkan Persamaan’. Berlandaskan semangat kekitaan atau *camaraderie*, semua agensi kerajaan perlu bergerak sebagai satu entiti, membuang mentaliti silo dan berkongsi sumber, pengetahuan serta kepakaran dalam menjayakan agenda transformasi negara.

## **15.6 KERJASAMA AWAM-SWASTA-NGO**

‘Perkongsian Sumber dan Kesepakatan’. Perkhidmatan

Awam perlu meningkatkan kerjasama strategik dengan pihak swasta dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam.

## **2017 TAHUN PENYAMPAIAN**

Saudara saudari sekalian,

16. Suka juga saya memetik mesej YAB Perdana Menteri pada awal tahun 2017 ini yang telah mengumumkan tahun 2017 sebagai tahun “year of

“delivery” iaitu kita mesti melaksanakan projek, program, perkhidmatan dan langkah-langkah yang telah kita tentukan untuk kesejahteraan dan kebijakan rakyat serta negara. Ini harus dijadikan sebagai bidang keutamaan dan fokus kita pada tahun ini, iaitu “delivery, delivery, delivery”. Setiap bahagian harus memainkan peranan masing-masing di mana projek harus dijalankan, contohnya pemberian BR1M, keselamatan banjir dan perlu ditegaskan bahawa jangan sesekali mengambil hak rakyat kerana ini semua adalah hak rakyat. Peruntukan yang dibuat adalah untuk rakyat dan

jika berlaku ketirisan, rakyat akan hampa dan hilang keyakinan. Selain itu, penyampaian yang dibuat adalah mengikut jadual dan penyelesaian perlu dibuat sekiranya terdapat kekangan, halangan atau masalah koordinasi. Janganlah kita bertindak secara ‘silo’ di mana masing-masing dengan mengatakan itu hak kita, dan orang lain tidak boleh campur kerana ini akan mengakibatkan berlakunya masalah birokrasi yang keterlaluan. Jadi jadikan tahun 2017 ini sebagai “year of delivery” dan fokus kepada perkhidmatan kerajaan untuk rakyat, projek untuk rakyat ,kebajikan untuk

rakyat, latihan untuk rakyat, penambahan nilai untuk rakyat dan segalanya untuk rakyat. Saya percaya jika *mindset* kita ke arah *delivery*, kita boleh dan akan menjadikan tahun 2017 ini sebagai tahun yang berjaya.

## **INTEGRITI**

Saudara saudari yang dihormati,

17. Dalam Perkhidmatan Awam, aspek integriti sering kali dikaitkan dengan frasa “Saya Yang Menurut Perintah” atau “SYMP”.

18. “SYMP” bukanlah bermaksud kita menurut perintah secara semborono dan membuta tuli atau “Yes Boss”. Frasa “SYMP” ini menuntut kita untuk sentiasa mengakui bahawa sebarang perkataan dan tindakan kita sebenarnya tertakluk kepada peraturan-peraturan yang telah pun ditetapkan oleh Yang Di Pertuan Agong di bawah Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan dan apa-apa pekeliling perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

19. Saya amat berharap para pegawai muda di hadapan saya ini,

akan terus menjunjung tinggi amanah yang diberikan. Barangkali selepas ini ada dalam kalangan saudara-saudari yang akan ditempatkan sebagai pegawai di tempat-tempat yang strategik atau jawatan-jawatan yang ‘panas’ atau sensitif seperti bahagian perolehan, pembangunan, pengeluaran permit, penolong pegawai daerah dan sebagainya.

20. Jawatan-jawatan ini adalah merupakan amanah Kerajaan kepada saudara-saudari. Sekali sahaja saudara-saudari mengkhianatinya, maka selama-lamanya orang tidak

akan percaya kepada kita dan Perkhidmatan Awam turut tercalar reputasinya. Maka, jangan sekali-kali khianati amanah ini.

**PENJAWAT AWAM PERLU CELIK**  
**MEDIA SOSIAL DAN ELAK**  
**MENCEMARKAN IMEJ**  
**PERKHIDMATAN AWAM**

Saudara saudari sekalian,

21. Selain itu, dunia tanpa sempadan pada masa ini telah memungkinkan pelbagai maklumat diperolehi dihujung cari. Sekiranya kita tidak pandai untuk

menapis informasi ini, maka kita boleh dipengaruhi dan membuat pelbagai andaian. Kita juga sebagai penjawat awam perlu menjaga etika dalam menggunakan ruang siber ini.

22. Saya percaya ramai di kalangan saudara-saudari mempunyai akaun Facebook, Twitter atau Instagram. Sebagai penjawat awam, kita harus bijak dalam menggunakan media sosial. Kita perlu mempunyai *social media literacy*. Kita harus bijak membezakan yang mana sahih dan yang mana fitnah, tohmahan atau rekaan semata-mata.

23. Saya ingin menasihatkan para penjawat awam supaya tidak terlibat dalam menyebarkan sesuatu atau memberikan komen-komen yang boleh ditafsirkan mengikut Perintah Am (General Orders) sebagai mencemarkan imej perkhidmatan awam, atau yang melanggar peruntukan undang-undang seperti di bawah Akta Rahsia Rasmi (OSA). Nasihat saya ini terpakai untuk pegawai yang sedang berkhidmat, atau yang sudah bersara.

24. Jangan pula kita termasuk dalam golongan mereka yang berkongsi apa-

apa maklumat secara semberono yang akhirnya boleh mendatangkan pelbagai spekulasi dan fitnah kepada Kerajaan khususnya.

25. Janganlah kita terlalu ghairah dalam berkongsi segala jenis maklumat terutama berkaitan dengan Rahsia Kerajaan. Ini kerana kedudukan kita sebagai penjawat awam, lebih-lebih lagi sebagai seorang penjawat awam akan dipercayai oleh rakyat kerana kedudukan strategik jawatan ini.

26. Saya ingin menegaskan di sini bahawa Kerajaan tidak akan berkompromi dengan penjawat awam yang didapati menyalah-gunakan ruang media sosial, membocorkan rahsia Kerajaan dan juga membuat kenyataan-kenyataan berbaur hasutan dan fitnah yang tidak berasas kepada Kerajaan. Tindakan tatatertib akan diambil sewajarnya jika ada sebarang pembuktian terhadap kesalahan-kesalahan ini.

27. Peliharalah integriti kita sebagai penjawat awam sebaiknya, tanpa integriti maka sia-sialah ikrar yang telah

dilaungkan, aku janji yang telah dimeterai dan akta rahsia rasmi yang ditandatangani.

## **PENUTUP**

25. Akhir kata, sebelum saya mengundur diri menutup bicara, sekali lagi ingin saya menegaskan betapa Kerajaan mempunyai harapan tinggi ke atas saudara-saudari bagi sama-sama membantu memimpin Perkhidmatan Awam bagi terus-menerus menempa kejayaan dan kecemerlangan. Saya percaya dan mempunyai keyakinan penuh bahawa saudara-saudari

sekalian mampu memenuhi ekspektasi ini, dan akan terus komited bersama-sama mendokong aspirasi Kerajaan ke arah melahirkan sebuah Negara bangsa yang maju dan tinggi nilai integritinya.

Sekian.

Wabillahitaufik                           Walhidayah  
Wassalamualaikum                       Warahmatullahi  
Wabarakatuh.